

30 SEP 1998

DR MAHATHIR TERIMA RESOLUSI MENGENAI ISU BURUH

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima resolusi mengenai isu-isu buruh daripada Asia-Pacific Labour Network (APLN) untuk dibincangkan pada mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini pada November.

Resolusi itu diserahkan kepada Perdana Menteri oleh Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Zainal Rampak. Resolusi berkenaan ialah hasil mesyuarat APLN selama dua hari di sini Isnin lalu.

APLN ialah anggota Gabungan Kesatuan Sekerja Bebas Antarabangsa yang mempunyai 125 juta anggota.

Zainal yang mengetuai delegasi 28 anggota ke Jabatan Perdana Menteri hari ini berkata resolusi itu akan dikemukakan pada mesyuarat peringkat menteri APEC di sini.

Beliau berkata sudah menjadi kelaziman bahawa apabila mesyuarat APEC berlangsung, APLM akan mengemukakan resolusinya kepada negara yang menganjurkan persidangan untuk dikemukakan pada mesyuarat.

-- BERNAMA

ES FAZ